

**PELAKSANAAN STANDARD KOSMETIK HALAL:
MALAYSIAN STANDARD MS 2200 – BAHAGIAN 1:
2008 BARANG GUNAAN ISLAM-KOSMETIK DAN
DANDANAN DIRI – GARIS PANDUAN UMUM:
SATU SOROTAN LITERATUR**

***Implementation of Halal Cosmetic Standard: Malaysian
Standard MS2200-1:2008-Islamic Consumer Goods Part
1: Cosmetic and Personal Care-General Guideline:
A Literature Review***

Rabiatul Adawiyah Abd Rahman

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
rabiatul.rahman1501@gmail.com*

Zalina Zakaria

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
zalina_jsu@um.edu.my*

ABSTRACT

MS2200-1:2008-Islamic Consumer Goods Part 1: Cosmetic and Personal Care-General Guidelines is a practical guidelines for halal cosmetic and personal care industry. This standard should be used together with the Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia and Guidelines on cosmetic Good Manufacturing Practice, by National Pharmaceutical Registration Agency (NPRA). A part from that, cosmetic industry must get notification from NPRA to make sure ingredients and substances in cosmetic product are not harmful before certified halal. This article attempts to examines the relationship between the compliance of MS2200-1:2008 and the industry of halal cosmetic. This study is conducted by method of library research

as well as field research. This article will review the literature on an issue of compliance MS2200-1:2008-Islamic Consumer Goods Part 1: Cosmetic and Personal Care-General Guidelines through the industry of halal cosmetic in Malaysia. The findings of this study may be beneficial and helpful for manufacturers to understand the necessary to keep follow MS2200-1:2008 as a basic requirement during the processing of halal cosmetic products as well as helps the consumers to be aware of halal cosmetic implication in their daily live.

Keywords: *Malaysia's Halal Standard, halal regulations, cosmetic regulations*

PENDAHULUAN

Kini industri kosmetik halal semakin mendapat perhatian dunia kerana umat Islam berasa selesa dengan pengambilan produk-produk halal sebagai sebahagian kehidupan seharian mereka (Saqib Ali et al., 2016: 40-51). Dengan peningkatan prospek halal, hala tuju kosmetik halal semakin cerah untuk diteroka selepas makanan dan kewangan (Isabelle Aoun et al., 2015: 116). Oleh itu, segmen halal di pasaran baru-baru ini bukan sahaja tertumpu kepada industri makanan sahaja namun turut merangkumi industri kosmetik halal. Hal ini adalah disebabkan konsep *ḥalālān ṭayyibān* menurut aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti produk kosmetik telah menjadi tunjang kepada pilihan pengguna. Oleh itu, pengambilan produk kosmetik halal dapat menjamin keselamatan pengguna tanpa mendatangkan kemudharatan tubuh badan sekali gus menjaga kemaslahatan umat Islam.

Di Malaysia, sektor kosmetik halal menyumbang sebanyak 10-20 peratus daripada pasaran kosmetik domestik (Nurul Aini Muhamed et al., 2016: 60). Ini membuktikan bahawa segmen kosmetik halal di Malaysia menjadi salah satu penyumbang besar dalam pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, Malaysia adalah antara negara yang pensijilan halal dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh kerajaan sendiri (Jafri Abdullah et al., 2011: 209). Untuk memasarkan produk halal secara meluas perlu memperoleh pengiktirafan daripada badan yang berautoriti. Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia adalah merupakan pihak berkuasa berwajib dalam mengendalikan dan mengeluarkan pensijilan halal.¹ Garis panduan utama yang diguna pakai dalam pensijilan oleh Badan Pensijilan Halal JAKIM dan JAIN/MAIN adalah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM). MPPHM merupakan

¹ Seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan Halal (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

dokumen rujukan yang perlu dipatuhi dalam pensijilan halal yang digunakan bersama-sama dengan standard halal Malaysia sebagai keperluan panduan prosedur pensijilan halal (Rosita Husain, 2015: 5899-5919). Untuk mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh garis panduan standard halal, pengusaha industri perlu bertanggungjawab untuk mengekalkan status halal bagi setiap produk yang mereka hasilkan.

Sehubungan itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang dilihat lebih maju dalam memartabatkan sektor perniagaan halal, terus menerajui kedudukan yang baik sehingga menjadi penanda aras bagi piawaian halal dan akses kepada nilai pasaran global sebanyak USD2.30 trilion (Laporan MITI, 2016: 14).² Hal ini turut memberi implikasi terhadap perkembangan sektor halal melalui lapan (8) skim pensijilan halal di Malaysia.³ Berdasarkan lapan (8) skim pensijilan halal yang digariskan, pasaran makanan halal lebih besar berbanding skim-skim halal yang lain. Di samping pasaran halal yang kian meningkat, produk kosmetik halal juga dilihat semakin mendapat permintaan pengguna berbanding produk farmaseutikal, premis makanan atau hotel, barang gunaan, rumah sembelih, farmaseutikal dan logistik. Tambahan pula terdapat standard khusus bagi setiap skim-skim pensijilan halal yang ditawarkan. Kewujudan prosedur dan piawaian ini akan menggalakkan lagi perkembangan industri halal di Malaysia secara lebih bersepadu, bersistematik serta teratur (Johan Fischer, 2008: 829). Kesemua standard halal Malaysia adalah dibangunkan dibawah Jabatan Standard Malaysia. Penggunaan Malaysian Standard adalah secara sukarela, melainkan diwajibkan oleh pihak berkuasa yang mengawal selia melalui peraturan, undang-undang kecil tempatan atau apa-apa cara lain yang serupa (Jabatan Standard Malaysia: 2008). Untuk produk kosmetik yang ingin memohon pensijilan halal, hendaklah merujuk MS 2200-Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam – Kosmetik dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum.

² Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) (2016). Laporan MITI 2016, 14.

³ Antara skim pensijilan halal tersebut adalah produk makanan, premis makanan atau hotel, barang gunaan, kosmetik dan dandanan diri, rumah sembelih, farmaseutikal, logistik dan Original Equipment Manufacturer (OEM). OEM adalah merupakan skim yang masih baru diperkenalkan. Rujuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga), Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014). Rujuk juga Nur Ardzlina Mahmod, Penolong Kanan Pengarag Bahagian Hab Halal JAKIM, “Halal Certification for Cosmetic Products” dalam *slide* pembentangan Seminar Kosmetik Halal: Siri 2 UMHRC, di Fakulti perakaunan dan Perniagaan Universiti Malaya pada 15 November 2018.

Kerajaan Malaysia optimis untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal pertama di kaca mata dunia. Rentetan itu, MS 2200: Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam – Kosmetik dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum telah dilancarkan pada tahun 2010⁴. MS 2200 – Bahagian 1: 2008 adalah merupakan garis panduan dalam pengeluaran produk barang bukan makanan khususnya kosmetik dan dandanan diri (Jafri Abdullah et al., 2011: 210). Berdasarkan MS 2200 – Bahagian 1: 2008, garis panduan tersebut bukan sahaja menitikberatkan perkara halal haram sahaja. Malah elemen *tayyiban* yang diterapkan dalam produk kosmetik halal adalah merangkumi semua aspek seperti selamat, bersih, dan berkualiti. Oleh itu, industri kosmetik yang memohon pensijilan halal perlu mematuhi piawaian dan syarat-syarat yang telah digariskan dalam MS 2200 – Bahagian 1: 2008 untuk memenuhi keperluan pengguna dalam memperoleh kosmetik halal yang baik, selamat dan sihat. Justeru, artikel ini akan melihat sorotan literatur berkaitan Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard MS 2200 – Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum.

SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, terdapat banyak penulisan yang melibatkan kajian halal. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan makanan halal lebih banyak di arena penulisan akademik. Hal ini adalah begitu ketara apabila dibandingkan dengan penulisan kosmetik halal yang lebih sedikit ditulis oleh para sarjana. Oleh itu, artikel ini adalah untuk mengupas perbincangan sorotan literatur melalui kajian kosmetik halal oleh sarjana tempatan mahupun sarjana luar negara dari sudut polisi dan perundangan.

Menitikberatkan kesihatan dan keselamatan pengguna tanpa mendatangkan kesan sampingan kepada tubuh badan merupakan piawaian standard yang mengaplikasikan elemen *tayyib* dalam proses penghasilan produk kosmetik halal. Oleh itu, kajian MS 2200 – Bahagian 1: 2008 adalah penting untuk memastikan konsep halal yang digariskan dalam piawaian standard mampu dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak industri dalam penghasilan produk kosmetik halal. Hal ini adalah bagi memperoleh pasaran produk kosmetik halal yang terjamin kesucian halalnya, berkualiti tinggi, bersih selamat digunakan oleh pengguna.

⁴ “Perlu ada Standard Halal Seragam”, *Kosmo Online*, dicapai pada 26 Ogos 2018, http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0624&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_08.htm

Oleh itu, sorotan kajian ini dibahagikan kepada empat tema iaitu konsep halal, undang-undang halal, standard halal dan elemen *ṭayyiban* dalam penghasilan kosmetik halal. Dengan peningkatan prospek kosmetik halal, penulisan yang ada ini memfokuskan kepada konsep halal yang dikaji dalam perbendaharaan fiqh serta kontemporari, akta peruntukan perundangan, peraturan, standard, intipati MS 2200 - Bahagian 1:2008 khususnya dan beberapa rujukan lain yang perlu dipatuhi oleh pihak industri kosmetik halal di Malaysia.

KONSEP HALAL

Ramai pengkaji meneroka kajian berkaitan halal. Lantaran itu, penulisan dan kajian tentang halal telah banyak dilakukan oleh para sarjana dalam dan luar negara. Hal ini kerana, umat Islam perlu mengikuti preskripsi konsep halal yang dipandu oleh agama. Sebagaimana tuntutan daripada al-Quran dan hadith telah menyarankan pengambilan produk halal lagi bersih mampu memberikan khasiat kepada pengguna. Sehubungan itu, kajian literatur fiqh oleh Yusuf al-Qaradawi (1977) adalah menjadi kerangka asas disiplin ilmu bagi perbincangan perkara halal dan haram. Menerusi kitabnya yang bertajuk "*Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam*" menjelaskan perkara halal bukan sahaja merangkumi makanan dan minuman semata-mata, bahkan meliputi semua aspek dan amat menyeluruh.

Ironinya, konsep halal haram bukan sahaja terhad perihal larangan dalam Islam seperti najis (Muchtar Ali, 2016: 291-396), skop pemakanan, penyembelihan haiwan dan transaksi perniagaan sahaja bahkan juga telah menjadi konsep yang universal dan melibatkan keseluruhan aspek. Tambahan pula, jenama produk halal dan tatacara Islam yang ditonjolkan ketika haiwan disembelih mendefinisikan agama tidak ekstrim sekali gus melambangkan nilai kemanusiaan yang tinggi dalam menghasilkan produk halal. Implikasinya, persepsi pengguna bukan Islam terhadap produk halal adalah amat positif dengan preskripsi halal yang signifikan terhadap kebersihan dan kualiti produk (Zaimah Ramli et al., 2014: 48-56; Abdul Raufu Ambali et al., 2014: 3-25) serta tidak mendatangkan kesan sampingan yang memudharatkan (Ahlam Nuwairah Ahmad et al., 2015: 10-14). Perkara ini amat mendorong pengusaha syarikat dan industri untuk mengembangkan pasaran halal (Zaimah Ramli et al., 2015: 48-56). Ini dibuktikan sejak dari tahun 2015 hingga 9 November 2018, terdapat peningkatan sebanyak 776 buah syarikat yang memiliki sijil halal di Malaysia melalui skim kosmetik dan dandanan diri. Malah statistik sehingga 9 November 2018 menunjukkan majoriti pemegang sijil halal dibawah skim kosmetik dan dandanan diri adalah bukan daripada bumiputera

dengan berjumlah 121 manakala bagi pemegang sijil halal bumiputera adalah sebanyak 83.

Berhubung dengan produk halal, sarjana kontemporari seperti Rana Muhammad Ayub (2015: 2328-2343) menyatakan terdapat permintaan pasaran halal yang tinggi oleh negara-negara Islam dan bukan Islam. Ini adalah disebabkan kefahaman yang mendalam oleh pengguna Islam berkenaan konsep halal dan haram dalam mengukur kualiti produk yang diambil. Penelitian lebih lanjut telah dijalankan dalam kajian Nur Riza Mohd Suradi et. al, (2015: 75-88) untuk mengenal pasti sama ada ibu bapa muslim sebagai responden kajian mampu memberi pengaruh terhadap pemilihan makanan halal secara harian. Dapatan kajian daripada responden mendapati wujud kesan secara langsung dan tidak langsung sebagai faktor kefahaman dan persepsi terhadap pemilihan makanan halal. Ini membuktikan kefahaman konsep halal perlu dititikberatkan awal melalui institusi keluarga dengan bantuan ibu bapa. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini lebih menjurus kepada penyelidikan makanan halal sahaja. Menurut penelitian kajian yang dilakukan oleh Rana Muhammad Ayub (2015: 2328-2343), Abdul Raufu Ambali et al., (2014: 3-25), Zaimah Ramli et al., (2015: 48-56), dan Nur Riza Mohd Suradi et. al, (2015: 75-88), penulis-penulis mempunyai pandangan yang sama tentang halal menurut perspektif makanan tanpa melibatkan produk komersial yang lain.

Sungguhpun begitu, pandangan Azmawani Abd Rahman et al., (2015: 148-163) adalah berbeza, penulis menghuraikan bahawa aspek halal adalah menyeluruh serta tidak terhad terhadap makanan halal sahaja bahkan turut meliputi aspek komersial halal lain seperti barang gunaan, kosmetik dan dandanan diri, farmaseutikal serta perkhidmatan lain termasuklah kewangan, pelaburan, perniagaan dan sebagainya. Perkara ini turut disepakati oleh Mohamed Azmi Hassali et al., (2015: 1-4); Suhana Mohezar et al., (2016: 47-59) dan Norafni@Farlina Rahim et al., (2015: 1-14) yang menyatakan bahawa prinsip halal yang menyeluruh dalam kosmetik merupakan antara pencetus hab halal di Malaysia. Mohamed Azmi Hassali et al., (2015: 1-4) dan Suhana Mohezar et al., (2016: 47-59) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa produk kosmetik dan dandanan diri halal adalah berpotensi besar untuk dipasarkan selepas industri makanan. Seterusnya Norafni@Farlina Rahim et al., (2015:1-14) telah membuat kajian berkenaan persepsi pengguna turut sama bersetuju serta berpendapat bahawa halal telah menjadi suatu gaya hidup yang baru sekali gus menjadi pencetus kepada pihak industri kosmetik dan dandanan diri berlumba-lumba untuk memperoleh pensijilan halal daripada JAKIM. Hal ini boleh dilihat pada tahun 2015 terdapat 1582 permohonan pensijilan halal di bawah skim kosmetik dan dandanan diri halal kemudian statistik meningkat sehingga ke angka 8123 pada tahun 2018.

Berdasarkan kepada semua pandangan di atas, kesemuanya adalah penting dan perlu diambil kira menerusi perihal halal. Walau bagaimanapun, kajian-kajian sebelum ini lebih banyak dikaji menurut konsep halal. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kajian dari perspektif implementasi halal menerusi pelaksanaan industri kosmetik halal di Malaysia. Ini kerana untuk memastikan implementasi produk kosmetik halal mampu untuk dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak industri kosmetik halal di Malaysia.

Secara praktikalnya, ianya dapat mengoptimumkan pengguna untuk memperoleh produk kosmetik halal yang terjamin kesuciannya dari sudut syarak. Ini adalah disebabkan produk kosmetik dan dandanan diri telah menjadi trend dan gaya hidup pengguna yang sentiasa menjadi igauan setiap insan yang mahu kelihatan cantik dan jelita. Tambahan pula, penggunaan produk halal yang selamat, berkualiti dan bersih merupakan satu tuntutan bagi setiap orang Islam. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk memastikan implementasi MS2200 Bahagian 1: 2008 mampu dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak industri dalam penghasilan produk kosmetik halal. Hal ini adalah bagi memperoleh pasaran produk kosmetik halal yang terjamin kesucian halalnya, berkualiti tinggi dan selamat digunakan oleh pengguna.

UNDANG-UNDANG HALAL

Undang-undang halal amat penting di Malaysia bagi mencapai keseimbangan amalan perdagangan yang sihat dan mampan melalui undang-undang yang dikuatkuasakan. Tambahan pula, populasi penduduk Malaysia yang berbeza agama, berbilang kaum, budaya dan adat resam menuntut akan kewujudan undang-undang. Sebagai sebuah negara yang membangun dan maju dalam industri halal, maka penguatkuasaan undang-undang adalah sewajarnya mampu memberi perlindungan yang optimum kepada pengguna.

Zalina Zakaria, Noriah Ramli, Ahmad Hidayat Buang, Siti Zubaidah Ismail dan Sofee Razak antara ahli akademik yang banyak memberi pandangan dalam kajian undang-undang dan peraturan perihal dagangan halal di Malaysia. Zalina Zakaria (2008: 603-616) dalam kajian awalnya mendapati bahawa lakuna undang-undang berkaitan halal di Malaysia masih belum mencukupi bagi menangani pelanggaran dan penyalahgunaan perintah dagangan halal. Sebelum Akta Perihal Dagangan 2011 dikuatkuasakan, APD 1972 adalah merupakan peruntukan undang-undang berkaitan halal yang terpakai. Dibawah APD 1972 terdahulu, terdapat dua perintah yang digunapakai terhadap halal iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975. Walaupun begitu,

terdapat kelompangan dibawah perintah-perintah tersebut sehinggalah APD 2011 digubal semula. Pemakaian Akta Perihal Dagangan 1972 yang lalu ternyata memberi gambaran bahawa terdapat kecelaruan dalam perundangan khususnya dari aspek penguatkuasaan dan hal ehwal pengaturan halal di Malaysia. Sehubungan itu, kajian lanjutan telah dilakukan oleh Zalina Zakaria dan Siti Zubaidah (2015: 189-216) dalam kajian mereka yang bertajuk: “Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 di Malaysia”. Kajian ini memberi kritikan yang membina terhadap penggubalan APD 2011 bagi menggantikan APD 1972 dengan beberapa pindaan yang melibatkan peruntukan halal dalam seksyen 28 PPD (Takrif Halal) 2011 dan seksyen 29 PPD (Penandaan Halal) 2011.

Berdasarkan peruntukan tersebut, beberapa perubahan dari sudut pemantauan, penguatkuasaan dan kadar penalti kepada pesalah dikatakan mampu memberi impak yang besar dalam industri halal sekali gus menjamin hak-hak pengguna terutamanya dalam kalangan orang-orang Islam. Di samping itu, Hadi Akhbar Dahlan dan Norrakiah Abdullah Sani (2017: 53-62) mendapati bahawa undang-undang halal di Malaysia lebih komprehensif berbanding negara Belanda dan Amerika syarikat. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah lebih menjurus kepada produk makanan halal dimana Malaysia lebih terkehadapan dalam industri ini berbanding dengan produk kosmetik halal yang boleh dikatakan masih baru.

Di negara ini, badan pensijilan halal JAKIM bertanggungjawab sebagai badan perundangan dan pengeluar pensijilan produk halal termasuklah produk kosmetik dan dandanan diri (Puziah Hashim et al., 2013: 281-292). Ini adalah selari dengan penelitian yang lebih mendalam oleh Zalina Zakaria, Nor Ain Abdul Hamid dan Siti Zubaidah Ismail (2015: 165-175) komited membuktikan signifikan peruntukan baharu yang diperkenalkan dalam seksyen 29 melalui Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Halal) 2011 telah memberikan kuasa penuh kepada JAKIM untuk menjalankan tugas sebagai pihak badan pensijilan yang berwibawa untuk menjalankan tugas dalam melakukan penguatkuasaan dan pemantauan. Ini menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang dalam APD 2011 telah diperkasakan dan ditambah baik daripada kelompangan yang wujud dalam APD 1972 yang lalu. Walau bagaimanapun, peruntukan APD 1972 sebelum ini telah banyak membantu untuk memahami dan menambah baik konsep perundangan yang melibatkan halal di Malaysia.

Selain itu, terdapat cadangan untuk memperkenalkan akta khusus tentang halal seperti Akta Halal yang telah lama dicadangkan sejak tahun 2010 lagi. Hal ini dapat dilihat dalam artikel Mohamad Sofee Razak (2010: 1-13) yang menjelaskan Akta Halal merupakan pilihan yang tepat dalam memperkasakan

undang-undang halal. Ahmad Hidayat Buang et al., (2012: 271-288) dan Azis Jafkar Soraji et al., (2017: 175-182) kemudian memperhalusi perbincangan berkenaan perundangan halal lantas optimis dengan penggubalan Akta Halal yang dikatakan lebih berkesan daripada undang-undang sedia ada. Ini adalah disebabkan masih terdapat kelompangan dari aspek penguatkuasaan dan pendakwaan walaupun skop kuasa pihak JAKIM telah diperluaskan. Begitu juga dengan Noriah Ramli melalui penulisan bab dalam buku “Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia” telah menyatakan bahawa Malaysia masih belum mempunyai akta khusus seperti Akta Halal. Kajian tersebut turut menjelaskan peruntukan perundangan serta badan pengawalseliaan halal yang terlibat. Menurut Noriah Ramli juga, hal ini telah menjadikan kawalan dan pelaksanaan undang halal di Malaysia dilihat lemah dan perlu ditambahbaik. Sungguhpun terdapat banyak cadangan daripada pelbagai pihak untuk mencadangkan Akta Halal, sebagai sebuah negara Malaysia yang mempunyai sumber-sumber perundangan yang perlu diperhalusi sebagai rujukan serta penyelarasan diperingkat Persekutuan dan Negeri sebelum menggubal akta yang baru. Tambahan pula, mendapatkan pensijilan halal adalah suatu pilihan (*voluntary*) dan bukanlah mandatori. Jadi buat masa ini dengan kuatkuasa APD 2011 adalah sudah cukup baik tetapi penguatkuasaan undang-undang halal perlu dipertingkatkan lagi.

Di samping itu, produk kosmetik di Malaysia perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (Puziah Hashim et al., 2009: 81-78) yang juga sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK). Di Malaysia, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (Drug Control Authority) bertanggungjawab untuk mengawal selia produk-produk farmaseutikal (Kausar Ahmad, 2015: 106) serta perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Akta Jualan Dadah 1952. Hal ini adalah disebabkan konsep keselamatan dan keberkesanan produk kosmetik adalah amat dititikberatkan dalam undang-undang disamping menggalakkan kesihatan pengguna.

Semenjak tahun 2002 sehingga hujung tahun 2007, produk-produk kosmetik dikawal melalui sistem pendaftaran; di mana syarikat yang bertanggungjawab untuk memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan perlu membuat Pendaftaran produk dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK)⁵, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum produk kosmetik tersebut boleh dikilangkan, diimport atau dijual di negara

⁵ Bahagian Regulatori Farmasi Negara (BRFN), NPRA sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) National Pharmaceutical Control Bureau.

ini.⁶ Mulai 1 Januari 2008, prosedur pendaftaran produk kosmetik di Malaysia telah digantikan dengan prosedur notifikasi selaras dengan Skim Harmonisasi Kosmetik ASEAN dengan menerima pakai dan melaksanakan ASEAN Cosmetic Directive (ACD).⁷ Melalui Skim Harmonisasi Kosmetik ASEAN ini, semua Negara ASEAN telah bersetuju untuk melaksanakan prosedur notifikasi kosmetik sebagai sistem kawalan bagi semua produk-produk kosmetik di rantau ASEAN.⁸ Pemegang notifikasi bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat yang benar berkaitan produk kosmetik yang ingin di pasarkan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (National Pharmaceutical Regulatory Agency) Kementerian Kesihatan Malaysia secara atas talian melalui sistem Quest.⁹ Hal ini menjelaskan sesuatu produk kosmetik perlu dinotifikasikan terlebih dahulu dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sebelum produk tersebut dipasarkan di Malaysia. Oleh itu, syarikat yang mendapat notifikasi perlu bertanggungjawab dalam memastikan kualiti dan keselamatan produk kosmetik di pasaran selari dengan konsep *tayyiban*.

Intihanya, Malaysia mempunyai garis panduan yang jelas berkenaan produk-produk halal serta peruntukan undang-undang yang menyeluruh. Usaha dan penambahbaikan undang-undang halal dari semasa ke semasa serta dengan meluaskan kuasa pihak JAKIM adalah amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pihak industri obligasi untuk memenuhi arahan dan peraturan seperti yang dinyatakan dalam perintah-perintah yang berkaitan. Oleh itu, undang-undang halal adalah merupakan peri penting sebagai instrumen yang wajar dalam melestarikan perlindungan pengguna yang mampan sekali gus menyemarakkan lagi industri dan hab halal di Malaysia.

⁶ Portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, laman sawang, dicapai pada 8 Ogos 2018, <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>.

⁷ Portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, laman sawang, dicapai pada 8 Ogos 2018, <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>.

⁸ Portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, laman sesawang, dicapai pada 8 Ogos 2018 <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>.

⁹ System Quest berupaya untuk menyaring dan menyekat produk-kosmetik yang mengandungi bahan terlarang atau mengandungi bahan yang melebihi had dan syarat yang dibenarkan daripada dinotifikasi. Laporan Tahunan 2016 NPRA, Bahagian Regulatori Farmasi Negara, National Pharmaceutical Regulatory Agency, 29.

STANDARD HALAL

Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) ialah badan standard dan akreditasi kebangsaan (JSM: 2008). Fungsi utama JSM adalah untuk merangsang dan menggalakkan standard, penstandardan dan akreditasi sebagai cara bagi memajukan ekonomi negara, menggalakkan kecekapan dan pembangunan industri yang bermanfaat kepada kesihatan dan keselamatan awam, melindungi pengguna, memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa serta melanjutkan kerjasama antarabangsa berhubung dengan standard dan penstandardan (JSM: 2008). Menurut Akta Standard Malaysia (Akta 549), perkataan standard ditakrifkan sebagai sesuatu dokumen yang diluluskan oleh suatu badan yang diiktiraf, yang mengadakan peruntukan, bagi kegunaan biasa dan berulang, kaedah-kaedah, garis panduan atau ciri-ciri bagi keluaran atau proses dan kaedah pengeluaran yang berkaitan, yang pematuhannya tidak mandatori; dan yang boleh juga termasuk atau memperkatakan semata-mata mengenai kehendak peristilahan, simbol, pembungkusan, penandaan atau pelabelan sebagaimana yang ia terpakai bagi sesuatu keluaran proses, atau kaedah pengeluaran.¹⁰ Malaysia telah mengiktiraf sebanyak 67 buah badan pensijilan halal daripada 41 buah negara.¹¹ Ini turut menjelaskan bahawa Malaysian Standard diterima diperingkat antarabangsa dan mendapat kepercayaan oleh negara-negara luar.

Piawaian standard halal adalah sebagai garis panduan yang perlu dipatuhi industri bagi mendapatkan pengiktirafan sijil halal daripada badan pensijilan halal Malaysia JAKIM. Hal ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam PPD (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, JAKIM adalah sebagai pihak berautoriti yang berwibawa dalam bidang pensijilan halal di Malaysia (Zalina Zakaria et al., 2015: 189-216; Zalina Zakaria et al., 2015: 165-175 dan Ahmad Hidayat Buang et al., 2012: 271-288. Bagi produk kosmetik yang ingin mendapatkan pensijilan halal perlulah mematuhi piawaian yang digariskan dalam Malaysian Standard MS 2200: Bahagian 1: 2008. Standard ini adalah yang pertama dihasil di dalam siri standard halal bagi barang gunaan Islam (JSM: 2008). Standard Malaysia ini dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi Makanan Halal dan Barang Gunaan Islam di bawah bidang kuasa Jawatankuasa standard Perindustrian Standard Halal (JSM: 2008). Selari dengan kajian yang dilakukan oleh Puziah Hashim et al. (2013:281-292), produk kosmetik halal yang memenuhi tuntutan syarak boleh dikategorikan

¹⁰ Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Seksyen 2, 7.

¹¹ Sharilfuddin Saari, "Pensijilan Halal Malaysia Diiktiraf 41 Buah Negara", Utusan Online, laman sesawang, dicapai pada 30 November 2018, <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pensijilan-halal-malaysia-diiktiraf-41-buah-negara-1.553404>.

dalam produk yang berkualiti tinggi, selamat dan berkesan terhadap pengguna. Oleh itu, pihak pengusaha industri halal tidak boleh memandang enteng akan peraturan dan syarat-syarat yang telah digariskan dalam standard halal malah perlu komited untuk mematuhi piawaian standard halal dari awal hingga akhir pemprosesan produk halal.

Lantaran itu, kajian mengenai standard halal semakin mendapat perhatian ahli akademik. Keperluan standard halal seperti yang dinyatakan dalam artikel kajian oleh Mohd Al'Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa (2014: 35-44) adalah disebabkan faktor permintaan makanan halal yang tinggi oleh umat Islam di pasaran global. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian kualitatif terhadap amalan standard halal yang berbentuk perbandingan antara negara-negara Asia Tenggara ini adalah menggunakan metode ke pustakaan semata-mata. Antara kajian standard halal lain yang menggunakan metode ke pustakaan adalah melalui prosiding karya Mohd Al'Ikhsan Ghazali et al., (2014: 305-311) dan tesis kedoktoran yang ditulis oleh Norhidayah Pauzi, (2016). Norhidayah Pauzi turut mendapati bahawa kegagalan mengharmonisasikan standard halal di peringkat global boleh membantutkan perkembangan industri halal. Ini kerana ketidak sepakatan pendapat dalam kalangan badan pensijilan halal sekali gus rangkaian industri bekalan bahan mentah turut menjadi perlahan. Sebagai contoh, dalam aspek penentuan hukum berkaitan alkohol bagi kategori wangian. Hal ini selari dengan kajian bersama Mustafa Afifi Ab. Halim dan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (2012: 6-10) yang mendapati perbezaan standard halal antara negara-negara lain turut memberi impak yang kurang memberangsangkan kepada pengusaha industri halal.

Sebagaimana metode temu bual yang dijalankan oleh Zalina Zakaria (2016: 25-27) telah menghasilkan kajian yang lebih relevan, berkenaan pematuhan standard halal oleh industri makanan dan kosmetik. Di dalam kajian ini, penemuan beberapa kesukaran yang dihadapi daripada industri kosmetik dan industri makanan untuk memenuhi standard halal yang digariskan oleh JAKIM. Sehubungan itu, metode temu bual bersama pihak yang mempraktikkan amalan tersebut perlu selari dengan metode ke pustakaan agar hasil kajian amalan standard yang diperoleh dapat dinilai dengan lebih tepat dan menyeluruh. Hal ini kerana, temu bual secara langsung bersama pihak-pihak yang terlibat seperti industri halal mampu memperoleh maklumat yang lebih mendalam. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah berkaitan perundangan halal yang merangkumi industri kosmetik dan industri makanan. Skop kajian ini juga adalah meliputi lokasi Malaysia, Thailand serta diperluaskan juga ke Eropah khususnya Belgium. Oleh itu, perbezaan kajian pengkaji dengan Zalina Zakaria (2016: 25-27) adalah dengan menjurus kepada industri kosmetik halal di Malaysia sahaja.

Produk halal mendapat sambutan daripada pengguna muslim serta turut menambat hati pengguna bukan muslim (Zalina Zakaria, 2008: 603-616). Penerimaan ini adalah di atas faktor keseluruhan konsep halal yang bukan sahaja meliputi keperluan Syariah bahkan juga dari sudut kebersihan dan keselamatan produk. Hal ini adalah selari dengan kajian Sazeli Arif dan Safiah Sidek (2015: 116-128) yang menjelaskan garis panduan standard yang dikeluarkan oleh JAKIM adalah selari dengan konsep *halālan tayyiban*. Namun artikel ini hanya membicarakan berkenaan standard halal iaitu MS 1500: 2004. Aspek ini Walau bagaimanapun, ada dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Puziah Hashim et al. (2013: 281-292) berkenaan produk kosmetik halal menurut MS2200-1: 2008. Walaupun kajian ini berkaitan pembangunan kaedah mengesan dan mengesahkan bahan ramuan bukan produk kosmetik namun kajian ini amat penting. Ini kerana kajian ini sangat membantu pengkaji dalam mengemukakan pematuhan MS2200-1: 2008 oleh pihak industri kosmetik halal di Malaysia sekaligus memberi kepercayaan kepada pengguna untuk memilih produk kosmetik halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

Berikutan kajian standard halal yang telah banyak dikaji oleh para sarjana, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa standard halal adalah garis panduan praktikal yang perlu dipatuhi bagi setiap industri sebelum memperoleh pensijilan halal dari JAKIM. Berdasarkan penyelidikan lepas juga, skop kajian lebih menjurus kepada standard makanan halal berbanding kosmetik halal. Ini adalah disebabkan standard bagi barangan produk halal lain seperti kosmetik adalah MS1500: 2004 sebelum MS2200-1: 2008 diperkenalkan khusus sebagai standard kosmetik halal. Dengan adanya standard yang khusus bagi kosmetik halal, maka penggunaan bahan ramuan dan pengkhususan bagi kosmetik halal adalah lebih spesifik. Sungguhpun begitu, MS2200-1: 2008 adalah keperluan asas yang mesti dipenuhi oleh industri kosmetik sebelum mendapat sijil halal. Ini kerana terdapat rujukan-rujukan lain yang perlu dipenuhi bersama MS2200-1: 2008 seperti Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia dan Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice. Justeru, industri kosmetik yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam MS2200-1: 2008 mampu menghasilkan produk kosmetik halal yang diiktiraf JAKIM sekali gus mendapat pensijilan halal.

ELEMEN *TAYYIBAN* DALAM PENGHASILAN PRODUK KOSMETIK HALAL

Menurut Norzaidi et al. (2012: 301-313), kosmetik halal merupakan salah satu faktor pasaran Malaysia menjadi mampan. Industri kosmetik dan dandanan diri dijangka mencatatkan pertumbuhan nilai lebih cepat dan berterusan

pada tahun-tahun akan datang berbanding pencapaian pada tahun-tahun sebelumnya (Mohamed Azmi Hassali et al., 2015: 1-4). Menariknya, produk kosmetik bukan sahaja menjadi penggemar orang Islam, bahkan juga pilihan bagi pengguna bukan Islam sekali gus memberi peluang pasaran yang luas terhadap pengusaha produk kosmetik (Saqib Ali et al., 2016: 52-63; Ahasanul Haque et al., 2015: 133-147). Ini membuktikan bahawa permintaan produk kosmetik halal semakin mendapat sambutan dalam kalangan pengguna.

Realitinya, lebih banyak bahan ramuan di luar pasaran yang tidak selari dengan konsep *halālan tayyiban*. Sebagai contoh, bahan ramuan bersumberkan lemak haiwan yang tidak menepati syariat Islam dan bahan kimia yang tidak sepatutnya. Bagi gliserin yang bersumberkan lemak haiwan pula perlulah ditekankan, terutamanya dari segi proses dan rangkaian bekalan dalam penghasilan pengeluaran dan ternakan haiwan halal (Nurulhidayah Ahmad Fadzillah et al., 2014: 79-102). Hal ini kerana, gliserin yang bersumberkan lemak haiwan khinzir lebih banyak didapati dalam produk kosmetik seperti alat solek muka, losyen, krim-krim kulit dan pewarna rambut (Nurulhidayah Ahmad Fadzillah et al., 2014: 79-102). Menelusuri karya Bennett, Harry (1970) dalam bukunya yang bertajuk "*The New Cosmetic Formulary*" didapati pelbagai sumber asas serta formula yang sering digunakan dalam produk kosmetik. Walau bagaimanapun, buku tersebut ditulis oleh sarjana barat tanpa menitikberatkan sumber bahan ramuan yang berasaskan *halālan tayyiban* secara menyeluruh.

Tambahan pula, produk kosmetik halal yang dilihat menjadi pilihan utama adalah disebabkan lambakan produk kosmetik yang membahayakan kesihatan dan keselamatan pengguna. Perkara ini adalah amat membimbangkan dan boleh mengancam nyawa pengguna. Merujuk kajian Zoe Diana Draelos, MD (2012: 249-259), sumber bahan merkuri yang berleluasa dalam produk kosmetik seperti krim pemutih adalah amat berbahaya kerana boleh mengakibatkan penyakit anemia. Selain daripada itu, kandungan bahan kimia dalam produk wangian dan produk kosmetik merupakan punca permasalahan iritasi kulit, alergi dan masalah dermatologi yang lain (Eierman HJ et al., 1982: 909-917; Lindberg M et al., 2004: 291-295). Ini menjelaskan bahawa terdapat produk kosmetik yang mengandungi kandungan yang berbahaya dan boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Secara tidak langsung, ianya bertentangan dengan konsep *tayyiban* yang mementingkan aspek keselamatan, kualiti dan kebersihan produk kosmetik. Dalam pada itu, kajian yang ditulis oleh Wayessa Amasa et al., (2012: 1-8) juga mendapati produk kosmetik dan dandanan diri adalah terdedah dengan risiko kesihatan dan keselamatan pengguna. Pengambilan produk mahupun perkhidmatan halal menurut hukum syarak merangkumi maksud baik (*tayyib*) yang memberi erti bersih, suci,

selamat dan berkualiti. *Halālan ṭayyiban* juga merupakan sebagai penanda aras utama bagi aspek keberkesanan dan keselamatan produk untuk kepentingan umat Islam. Ini membuktikan bahawa produk kosmetik yang tidak menepati aspek *ṭayyiban* adalah tidak memenuhi kriteria keselamatan pengguna dalam pemakaian produk kosmetik.

Seterusnya, Hiren Chavda, Divya Solanki (2016: 140-143) mendapati kebanyakan produk kosmetik mempunyai bahan kimia yang tidak terkawal dan boleh mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan pengguna. Produk kosmetik tersebut termasuklah syampu, gel mandian, cecair mandian, gel rambut pelembap bibir, alat solek, pengilat kuku, minyak wangian dan krim penjagaan kulit yang mempunyai bahan kimia tidak terkawal. Oleh itu, sumber bahan ramuan produk kosmetik bukan sahaja pada haiwan halal atau haram semata-mata. Bahkan juga produk kosmetik yang mengandungi bahan kimia yang berlebihan perlu dielakkan bagi menjamin keselamatan pengguna. Hal ini adalah signifikan dengan konsep *halālan ṭayyiban* yang diaplikasikan dalam MS2200-1: 2008 sebagaimana yang dituntut untuk dipenuhi bagi mendapatkan pensijilan halal daripada JAKIM.

Pengeluaran produk kosmetik halal meliputi aspek keselamatan dan kebersihan dalam rantai bekalannya juga turut dilihat secara terperinci dan mendalam. James C. MacChesney (1974) dalam bukunya yang bertajuk "*Packaging of Cosmetics and Toiletries*" telah membincangkan berkenaan cara pembungkusan yang terbaik bagi memastikan produk kosmetik tidak berlaku kerosakan dan dicemari oleh bakteria atau kuman. Begitu juga dengan jenis material pembungkusan, penulis turut menjelaskan material yang sesuai digunakan terhadap produk kosmetik. Tambahan pula, buku ini turut memperincikan cara-cara ujikaji pembungkusan yang telah dilakukan mengikut jenis material pembungkusan produk kosmetik. Atas faktor itu, produk kosmetik halal yang mesra alam, semula jadi dan kurang mendatangkan kesan sampingan terhadap kesihatan adalah menjadi alternatif pengguna (Saqib Ali et al., 2016: 52-63; Puziah Hashim et al., 2013: 281-292). Seterusnya, produk kosmetik halal bukan sahaja berkait rapat bahan ramuan dan haiwan halal sahaja bahkan turut menitikberatkan semua aspek pengurusan termasuk pengendalian, penyediaan, pemprosesan, penyimpanan dan semua aspek berkaitan. Perkara-perkara ini boleh didapati melalui Standard Malaysia iaitu MS2200-1:2008. Oleh itu, formulasi dan kualiti produk kosmetik halal perlu selari dengan tuntutan syarak sekali gus memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (BRFN) yang juga sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (Puziah Hashim et al., 2009: 81-87).

Lanjutan kajian yang ditulis oleh dalam buku yang bertajuk “*Global Regulatory Issues for The Cosmetics Industry*” membincangkan isu pengawalseliaan global dalam industri kosmetik yang merangkumi aspek pembuatan, pembungkusan dan pemasaran. Perincian topik tentang “The Impact of Global Regulations on Packaging” (Holly C. Young et al., 2008: 175-188) dalam buku tersebut turut membuat perbandingan antara undang-undang di negara Eropah dan negara-negara Asia. Kajian tersebut optimis menyatakan negara Asia lebih membangunkan sektor pembungkusan makanan berbanding sektor-sektor lain. Selari dengan kupasan topik “Daya Saing Global: Tuntutan dan Cabaran” melalui karya Nor Aini Idris (2007) dalam bukunya yang bertajuk “Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia” turut membincangkan aspek pembungkusan dalam produk makanan bagi menghadapi daya saing global. Walaupun karya-karya ini diterjemahkan dari sudut kepentingan perihal pembungkusan makanan, kajian demikian amat membantu pengkaji untuk menterjemahkan penelitian proses pembungkusan produk daripada menghadapi sebarang risiko adalah amat penting khususnya dalam penghasilan produk kosmetik halal. Bersesuaian dengan konsep *halālan tayyiban* yang menekankan isu keselamatan produk, ia menjadi keutamaan dalam pembungkusan produk kosmetik halal. Sehubungan dengan itu, pembangunan sektor halal yang bersepadu di negara ini mampu merealisasikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat dalam dan luar negara.

Kesedaran tentang halal dilihat semakin meningkat dan menjadikan permintaan pengguna terhadap produk halal semakin bertambah. Begitu juga dengan kajian-kajian yang berasaskan kosmetik halal turut melimpahi arena penulisan akademik. Kajian persepsi dan hubungkait pengguna dan produk kosmetik halal telah banyak dijalankan oleh para akademik. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Bahman Hajipour et al., (2015: 338-349); Norafni@Farlina Rahim et al., (2015: 1-14) turut membuktikan kesedaran pihak pengguna untuk memilih produk kosmetik halal. Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan oleh Azmawani Abd Rahman (2015: 148-163) menunjukkan kesedaran memilih makanan halal lebih tinggi berbanding produk kosmetik halal. Hal ini adalah disebabkan aspek makanan halal dilihat lebih sensitif oleh masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini lebih menjurus kepada kajian persepsi serta menggunakan kajian kuantitatif. Secara praktikalnya, pihak industri dan pihak-pihak yang terbabit adalah lebih tepat untuk ditemubual. Ini kerana sumber data yang diperolehi menghasilkan maklumat yang lebih kukuh. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam dengan menggunakan metodologi kualitatif menerusi temubual dengan pihak industri dan pihak-pihak yang terlibat seperti pihak industri kosmetik halal adalah sangat penting.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kepatuhan dan panduan daripada MS2200-1:2008 adalah begitu penting dan perlu dipenuhi bagi industri kosmetik halal. Hal ini adalah bagi mendapatkan pensijilan halal yang diiktiraf oleh badan pensijilan halal JAKIM. Secara tidak langsung, pihak indstutri bukan sahaja dapat menghasilkan produk kosmetik halal yang selari dengan pensyariatian Islam, malah turut memenuhi tuntutan pengguna dalam mendapatkan produk kosmetik halal yang selamat dan tidak mendatangkan kesan sampingan yang memudaratkan kepada pengguna.

Sehubungan itu juga, kajian pelaksanaan MS2200-1:2008 oleh industri kosmetik halal di Malaysia adalah begitu penting untuk menilai industri kosmetik halal di Malaysia terhadap MS2200-1:2008 dan peraturan-peraturan yang diperlukan sebelum memperoleh pensijilan halal Malaysia JAKIM. Hal ini membuktikan bahawa produk kosmetik halal perlu dilihat dengan lebih menyeluruh dari sudut aspek bahan ramuan, pemprosesan, pembungkusan dan penyediaan bagi menghasilkan produk kosmetik halal yang selamat, berkualiti dan berkesan. Kesemua aspek tersebut boleh didapati dalam MS2200-1:2008 yang digariskan.

RUJUKAN

- Abdul Raufu Ambali & Ahmad Naqiyuddin Bakar (2014). "People's Awareness on Halal Foods and Products: Potential Issues for Policy-makers", *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, vol. 121, 3-25.
- Ahasanul Haque, Abdullah Sarwar, Farzana Yasmin, Arun Kumar Tarofder & Mirza Ahsanul Hossain (2015). "Non-Muslim Consumers' Perception Toward Purchasing Halal Food Products in Malaysia," *Journal of Islamic Marketing*, vol. 6, no. 1, 133-147.
- Ahlam Nuwairah Ahmad, Azmawani Abd Rahman & Suhaimi Ab Rahman (2015). "Assessing Knowledge and Religiosity on Consumer Behavior towards Halal Food and Cosmetic Products," *International Journal of Social Science and Humanity*, vol. 5, no. 1, 10-14.
- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud (2012). "Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal di Malaysia," *Jurnal Syariah*, vol. 20, no. 3 (2012), 271-288.
- Azif Jafkar Soraji, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2017). "Gaps in The Legislation Halal in Malaysia: A Study of Literature," *IJASOS- International E-Journal of Advances in Social Sciences*, vol. 3, no. 7, 175-182.

- Azmawani Abd Rahman, Ebrahim Asrarhaghghi & Suhaimi Ab Rahman (2015). "Consumers and Halal Cosmetic Products: Knowledge, Religiosity, Attitude and Intention," *Journal of Islamic Marketing*, vol. 6, no. 1, 148-163.
- Bahman Hajipour, Manizheh Gharache, Mohammad Reza Hamidizadeh & Fereshteh Mohammadian (2015). "Raising Halal Cosmetic Awareness among the Respective Consumers," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, vol. 5, no. 7, 338-349.
- Bennett, Harry (1970). *The New Cosmetic Formulary*. New York: Chemical Publishing Company, Inc.
- Eierman HJ, Larsen W, Maibach HI & Taylor JS (1982). "Prospective Study of Cosmetic Reactions: 1977-1980," *Journal of the American Academy of Dermatology*, vol. 6, no. 5, 909-917.
- Hadi Akhbar Dahlan & Norrakiah Abdullah Sani (2017). "Comparison and Challenges in the Implementation of Halal Food Laws in Malaysia, the Netherlands and United States of America," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, vol. 21, 53-62.
- Hiren Chavda, Divya Solanki (2016). "Cosmetic Toxicity and Natural Solutions for Personal Care," *Journal of Ayurveda and Integrated Medical Sciences*, vol. 1, no. 3, 140-143.
- Holly C. Young & Marcus Tirado (2006). "The Impact of Global Regulations on Packaging," dalam *Global Regulatory Issues for The Cosmetic Industry*, ed. C.I. Betton. William Andrew. Tempat??: Penerbit??: 175-188.
- Isabelle Aoun & Laurent Tournois (2015). "Building Holistic Brands: An Exploratory Study of Halal Cosmetics," *Journal of Islamic Marketing*, vol. 6, no. 1, 109-132.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2011). *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Standard Malaysia (2004). *MS 2200-1 (2008) (Malaysian): Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik Dan Dandanan Diri - Garis Panduan Umum*. Cyberjaya: Jabatan Standard Malaysia.
- Jafri Abdullah, Suhaimi Ab. Rahman & Zaidah Mohd Nor (2011). "Pengurusan Halal di Malaysia", dalam *Pengurusan Produk Halal di Malaysia*, ed. Suhaimi Ab. Rahman dan Jafri Abdullah, Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- James C. MacChesney (1974). *Packaging of Cosmetic and Toiletries*. London: Newnes-Butterworths.

- Johan Fischer (2008). "Religion, Science and Market-Modern Halal Production, Trade and Consumption," *EMBO REPORTS*, vol. 9, no. 9 (2008).
- Kausar Ahmad (2015). *Manufacturing of Halal Pharmaceuticals*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) (2016). Laporan MITI 2016, 14.
- Lindberg M, Tammela M, Boström A, Fischer T, Inerot A, Sundberg K & Berne B (2004). "Are Adverse Skin Reactions to Cosmetics Underestimated in the Clinical Assessment of Contact Dermatitis? A Prospective Study Among 1075 Patients Attending Swedish Patch Test Clinics," *Acta Dermato-Venereologica*, vol. 84, 291-295.
- Mohamad Sofee Razak (2010). "Akta Halal Perlu Diwujudkan dan Digubal di Malaysia", *Kanun: Jurnal Undang-Undang*, vol. 22, no. 2, 1-13.
- Mohamed Azmi Hassali, Saleh Al-Tamimi, Omar Thanoon Dawood & Fahad Saleem (2015). "Malaysian Cosmetic Market: Current and Future Prospects," *Pharmaceut Reg Affairs*, vol. 4, 155.
- Mohd Al'Ikhsan Ghazali & Siti Salwa (2014). "Amalan Standard Halal di Negara-Negara Asia Tenggara", *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 1 no. 1 (2014), 35-44.
- Mohd Al'Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari (2014). "Kajian Perbandingan Piawai Halal Antara Malaysia dan Negara Brunei", *Proceeding Social Sciences Postgraduate International Seminar*. Penang: University Science Malaysia, 305-311.
- Muchtar Ali (2016). "Konsep Makanan Halal dalam Tinjauan Syariah dan Tanggungjawab Produk Atas Produsen Industri Halal," *Ahkam*, vol. 16, no. 2, 291-306.
- Mustafa Afifi Ab Halim & Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (2012). "The Possibility of Uniformity on Halal Standards in Organization of Islamic Countries (OIC) Country," *World Applied Sciences Journal: Towards the Traceability of Halal and Thoyyiban Application*, vol. 17, 6-10.
- Nor Aini Idris et al. (2007). "Daya Saing Global: Tuntutan dan Cabaran," dalam *Malaysia ke Arah Hab Makanan Halal Dunia*, ed. Nor Aini Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norafni@Farlina Rahim, Zurina Shafii & Syahidawati Shahwan (2015). "Awareness and Perception of Muslim Consumers on Halal Cosmetics and Personal Care Products," *International Journal of Business, Economics and Management*, vol. 2, no. 1, 1-14.

- Norhidayah Pauzi (2016). "Analisis Perbandingan Penentuan Piawaian Halal Antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei," Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriah Ramli (2013). "Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia: Peruntukan Perundangan Kawalan Halal sedia ada di Peringkat Persekutuan dan Negeri," dalam *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*, ed. Nurdeng Deuraseh. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia, 1-12.
- Norzaidi Mohd Daud, Hazni Abdul Aziz, Noor Hana Baharudin & Siti Fazila Shamsudin (2012). "Identifying the Determinant Attributes of Halal Cosmetics Products That Influence its Positioning Strategy in Malaysia Market," *Journal of Applied Sciences Research*, vol. 8, no. 1, 301-313.
- Nur Ardzlina Mahmud (2018). "Halal Certification for Cosmetic Products," Kertas Kerja, Seminar Kosmetik Halal: Siri 2 UMHRC, Fakulti Perakaunan dan Perniagaan Universiti Malaya, 15 November 2018.
- Nur Riza Mohd Suradi, Nur Atiqah Alias, Zalina Mohd Ali & Norkisme Zainal Abidin (2015). "Tanggapan dan Faktor Penentu Pemilihan Makanan Halal dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim," *Journal of Quality Measurement and Analysis*, vol. 11, no. 1, 75-88.
- Nurul Aini Muhamed, Sumaiyah Abd Aziz, Nor Asiah Yaakub & Nathasa Mazna Ramli (2016). *Industri Halal: Perkembangan dan Cabaran di Malaysia*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurulhidayah Ahmad Fadzillah, Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli (2014). "Analisis Isu Berkaitan Khinzir dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa," dalam *Isu Halal Kontemporari*, ed. Russly Abd Rahman, Nurdeng Deuraseh & Mohammad Aizat Jamaludin. Serdang: Universiti Putra Malaysia. 79-102.
- Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>, dicapai pada 8 Ogos 2018.
- Puziah Hashim & Dzulkifly Mat Hashim (2013). "A Review of Cosmetic and Personal Care Products: Halal Perspective and Detection of Ingredient," *Pertanika Journal of Science & Technology*, vol. 21, no. 2, 281-292.
- Puziah Hashim, Neelam Shahab, Masilamani, Theanmalar, Rozita Baharom & Rohaidah Ibrahim (2009). "A Cosmetic Analysis in Compliance with the Legislative Requirements, Halal and Quality Control," *Malaysian Journal of Chemistry*, vol. 11, no. 1, 81-87.

- Rana Muhammad Ayyub (2015). "Exploring Perceptions of Non-Muslims Towards Halal Foods in UK," *British Food Journal*, vol. 117, no. 9, 2328-2343.
- Rosita Husain (2015). "Implementation of Statistical Process Control by Management in Cosmetic Production Organization: Case of Halal Cosmetics Companies in Selangor," *JABER*, vol. 13, no. 7, 5899-5919.
- Saqib Ali, Fairol Halim & Norzieiriani Ahmad (2016). "Beauty Premium and Halal Cosmetics Industry," *Journal of Marketing Management and Consumer Behavior*, vol. 1, 52-63.
- Saqib Ali, Fairol Hashim & Norzieiriani Ahmad (2016). "The State of Halal Cosmetic Research on Consumer Behavior: A Systematic Review of The Literature and Future Research Directions," *Journal of Marketing Management and Consumer Behavior*, vol. 1, no. 4, 40-51.
- Sazelin Arif & Safiah Sidek (2015). "Application of Halalan Tayyiban in the Standard Reference for Determining Malaysian Halal Food," *Asian Social Science*, vol. 11, no. 17, 116-128.
- Sharilfuddin Saari (2018). "Pensijilan Halal Malaysia Diiktiraf 41 Buah Negara," laman sesawang *Utusan Online*, <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/pensijilan-halal-malaysia-diiktiraf-41-buah-negara-1.553404>., dicapai pada 30 November 2018.
- Suhana Mohezar, Suhaiza Zailani & Zainorfarah Zainuddin (2016). "Halal Cosmetics Adoption Among Young Muslim Consumers in Malaysia: Religiosity Concern," *GJAT*, vol. 6, no. 1, 47-59.
- T.p. "Perlu ada Standard Halal Seragam," laman sesawang *Kosmo Online*, http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0624&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_08.htm, dicapai pada 26 Ogos 2018.
- Wayessa Amasa, Dante Santiago, Seblework Mekonen & Arga Ambelu (2012). "Are Cosmetics Used in Developing Countries Safe? Use and Dermal Irritation of Body Care Products in Jimma Town, Southwestern Ethiopia," *Journal of Toxicology*, 1-8.
- Yūsuf al-Qaraḏāwī (1977). *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Qāhirah: Maktabah al-Wahbah.
- Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Suraiya Ishak, Azima Abdul Manaf, Suhana Saad & Mohd Yusof Hussain (2014). "Malaysia Sebagai Pusat Halal Global: Satu Penemuan Awal Mengenai Persepsi Halal dalam Kalangan Pengguna di Malaysia," *Malaysian Journal of Society and Space*, vol. 10, no. 6, 48-56.

- Zalina Zakaria & Siti Zubaidah Ismail (2015). "Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 di Malaysia," *Jurnal Syariah*, vol. 23, no. 2, 189-216.
- Zalina Zakaria (2008). "Tapping into the World Halal Market: Some Discussions on Malaysian Laws and Standards," *Jurnal Syariah*, vol. 16, 603-616.
- Zalina Zakaria (2016). "Halal Consumerism: Regulations and the Impact on the Food and Cosmetic Industries," *University of Malaya Research Bulletin*, vol. 16, no. 2, 25-27.
- Zalina Zakaria, Nor Ain Abdul Hamid & Siti Zubaidah Ismail (2016). "The Roles of JAKIM's Halal Enforcement Officers in Carrying Out Halal Enforcement in Malaysia," dalam *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, ed. Siti Khadijah Ab. Manan dan Fadilah Abd Rahman. Singapore: Springer, 165-175.
- Zoe Diana Draelos, MD (2012). "Are Cosmetics Safe?" *Journal of Cosmetic Dermatology*, vol. 11, 249-250.

Senarai Statut

- Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730)
Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549)